

20 APR 1996

MARA - Laporan

LAPORAN LENGKAP MARA AKAN DISERAHKAN ISNIN INI

HULU BESUT, 20 April (Bernama) -- Laporan lengkap berhubung pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang dijalankan oleh sebuah badan penyiasat sejak Feb lepas akan diserahkan kepada Perdana Menteri dan Timbalannya Isnin ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Haji Idris Jusuh berkata, badan penyiasat yang dianggotai 10 anggota itu telah selesai menjalankan siasatan terhadap agensi kementeriannya itu awal bulan ini dan telah menyerahkan laporan kepada pihaknya minggu lepas.

Bagaimanapun beliau yang enggan mengulas laporan siasatan itu berkata, Perdana Menteri dan Timbalannya berhak membuat resolusi berdasarkan laporan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan rombongan kini dalam lawatan ke negara-negara Balkan.

Siasatan itu dibuat berikutan dakwaan berlakunya kepingangan dan penyelewengan dalam pentadbiran Mara terutama dalam perbelanjaan kewangannya yang dikatakan tidak dilakukan mengikut peraturan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan surau awam di kawasan pelancongan Kolam Air Panas Kampung La dekat sini petang semalam.

Contohnya ialah tindakan pihak pengurusan Mara meluluskan peruntukan bernilai RM1.92 juta bagi membeli 35 buah kereta rasmi Proton Wira 1.6 automatik bagi kegunaan Pengetua IKM dan MRSM di seluruh negara diketahui atau mendapat kelulusan daripada majlis Mara sendiri.

Menurut beliau laporan penyiasatan itu menumpukan kepada semua aspek dalam pengurusan Mara termasuk bidang kewangan, pentadbiran, organisasi, pendidikan, pinjaman dan pembangunan.

Menjawab soalan pemberita beliau berkata laporan siasatan dilakukan dengan pelbagai cara termasuk menemuduga bekas-bekas Pengerusi Mara yang lepas.

Bagaimanapun dua bekas Pengerusi Mara Datuk Dr Yusof Nor dan Datuk Nazri Tan Sri Aziz dikecualikan daripada siasatan setelah badan penyiasat mendapati kedua-dua tokoh itu tidak perlu memberi keterangan kerana maklumat yang diperolehi sudah mencukupi.

Pegawai Daerah Besut Tengku Hassan Tengku Omar berkata, kawasan pelancongan Kolam Air Panas Kampung La dekat sini akan dibangunkan bagi mempertingkatkan popularitinya sebagai lokasi pelancongan terkenal di negeri ini.

Bagi tujuan itu lebih RM1 juta diperuntukan untuk memperlengkapkan kawasan itu dengan infrastruktur pelancongan termasuk ruang kedai, chalet dan tempat istirehat. -- BERNAMA

ND CR